

CUEPACS percaya RM1b melibatkan 3 cadangan baru SSB

UM - 2 FEB 2002

Oleh G.MANIMARAN

KUALA LUMPUR 1 Feb. -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) percaya implikasi kewangan kira-kira RM1 bilion kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) membabitkan cadangan tiga pendekatan baru.

Tiga pendekatan itu ialah pelaksanaan sistem skala gaji julat atau genap, pengenalan semula gred-gred jawatan yang pernah diwujudkan dan anugerah khidmat cemerlang, kata Setiausaha Agung CUEPACS, Abdul Rahman Manan.

"CUEPACS belum lagi dimaklumkan hasil kajian itu tetapi berdasarkan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum ini, kami mengandaikan peningkatan kos RM1 bilion yang dinyatakan oleh Perdana Menteri semalam disebabkan oleh pelaksanaan tiga perkara ini.

"Malah cadangan-cadangan ini juga pernah disyorkan oleh CUEPACS dalam pertemuan dengan JPA sebelum ini," kata beliau ketika dihubungi hari ini.

Utusan difahamkan aspek-aspek lain yang dikaji oleh JPA tidak melibatkan implikasi kewangan yang besar.

Cadangan tiga pendekatan baru itu merupakan antara elemen utama dikaji selepas 10 tahun SSB dilaksanakan.

Kajian

Semalam, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang meneliti laporan kajian SSB II telah meminta JPA menghalusi lagi cadangan pendekatan-pendekatan baru sebelum ia dapat dilaksanakan seawal pertengahan tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, penelitian semua itu perlu kerana cadangan-cadangan tersebut membabitkan penambahan kos yang tinggi sebanyak RM1 bilion di pihak kerajaan.

JPA membentangkan laporan kajian SSB II kepada Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam di Putrajaya semalam.

Antara aspek utama yang dikaji oleh JPA ialah pelaksanaan sistem penilaian prestasi yang dikaitkan dengan kenaikan tahunan, jadual gaji matriks dan pengenalan semula gaji satu lapis.

Ketika diminta mengulas lanjut pendekatan-pendekatan baru itu, Abdul Rahman menjelaskan, CUEPACS mengesyorkan supaya kerajaan melaksanakan skala gaji dengan menggunakan angka genap berbanding penggunaan jumlah yang berakhir dengan sen ekoran pelarasan gaji sejak tahun 1992.

Susulan

SSB dikuatkuasakan pada 1 Januari 1992 sebagai susulan kajian ke atas sistem gaji berdasarkan Laporan Jawatankuasa Gaji Kabinet (JKK) 1976.

Sejak SSB dilaksanakan, kakitangan telah menerima kenaikan gaji 10 peratus pada tahun 1995, 2000 dan 2001.

"Kami mengandaikan perkara ini yang Perdana Menteri meminta JPA supaya menghalusi," katanya.

Mengenai skim jawatan-jawatan yang dijumpukan pula jelas beliau, CUEPACS telah meminta JPA menghidupkan semula sejumlah gred yang sekali gus akan melibatkan kenaikan pangkat kakitangan awam semasa.

"Misalnya kakitangan dalam jawatan penolong pembantu tadbir rendah (N11) akan dinaikkan pangkat ke jawatan pembantu tadbir rendah (N10 atau N9).

"Bagaimanapun ini tidak melibatkan jumlah yang besar kerana yang terbabit ialah kakitangan Kumpulan Sokongan II ataupun Kumpulan B (dalam JKK)," katanya lagi.

Bagaimanapun, kata Abdul Rahman, CUEPACS yang menghargai kesediaan kerajaan mengambil kira pandangan-pandangan kongres itu sebelum ini akan terus mengadakan perundingan untuk mencari penyelesaian terbaik tanpa merugikan mana-mana pihak.